


Model Teori Behaviourisme

Model ADDIE



Peranan Guru

Model ADDIE ini mempunyai persamaan dengan model Hanaffin dan Peck. Kedua-dua model memberi penekanan kepada penggunaan jaringan web yang diakses oleh murid-murid sewaktu pembelajaran di bilik darjah. Dalam sesi pembelajaran secara talian langsung ini, guru lebih berperanan sebagai penasihat dengan menyelia dan memastikan murid-murid tidak terpesong daripada tapak-tapak laman yang telah ditentukan.

Guru berperanan untuk menimbulkan rangsangan dengan menggalakkan murid-murid menggunakan potensi yang mereka ada untuk menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan. Dalam hal ini, guru haruslah mempunyai pengetahuan dan kebolehan yang mantap dalam melakukan operasi memindahkan bahan kepada Word, mengedit dan melakukan penambahbaikan kepada hasil yang dikemukakan oleh murid-murid.